

22/01/1998

Wanita Malaysia simpan purata RM1,500

KUALA LUMPUR, Rabu - Cadangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar wanita Malaysia menukar emas kepada wang tunai, sekiranya dilaksanakan, akan menghasilkan jumlah tabungan besar berdasarkan simpanan emas mereka.

Seorang peniaga emas di sini, Shum Seng Kam berkata golongan itu tidak sukar menyahut seruan Perdana Menteri kerana mereka dianggarkan memiliki purata emas bernilai RM1,500 seorang.

"Adalah menjadi tradisi wanita Melayu, Cina dan India gemar membeli emas sebagai perhiasan diri sempena sambutan hari istimewa dalam hidup.

"Wanita Malaysia membeli emas untuk upacara perkahwinan, perayaan atau menerimanya sebagai hadiah. Bayangkan jumlah emas yang dapat dikumpul daripada wanita negara ini yang merangkumi 48 peratus daripada sejumlah 21 juta penduduk," katanya.

Semalam, Dr Mahathir mencadangkan wanita menjual emas bagi tujuan tabungan dan pelaburan saham amanah bagi membolehkan lebih banyak dana dikumpul oleh institusi kewangan, yang kemudiannya akan dijadikan pinjaman kepada peniaga untuk meningkatkan produktiviti negara.

Kerajaan hanya meminta wanita Malaysia menyimpan wang di bank atau melaburkannya di amanah saham, bukannya menderma emas mereka kepada kerajaan seperti di negara lain yang menghadapi krisis ekonomi.

Shum, yang juga Setiausaha Persatuan Perniagaan Emas dan Permata Wilayah Perse-kutuan dan Selangor, berkata cadangan Perdana Menteri itu perlu disokong demi masa depan negara walaupun ia mungkin merugikan peniaga emas.

"Peniaga akan rugi jika ramai yang menukar emas dalam simpanan mereka kepada wang dan mereka juga akan kurang membeli. Tetapi, cadangan itu boleh dilihat dari dua sudut, dari satu segi, ia mungkin merugikan peniaga dan satu lagi, demi kebaikan masa depan negara," katanya.

(END)